

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 4/2005**

#### **PROSES PERMOHONAN PECAH SEMPADAN DAN UBAH SYARAT TANAH DI BAWAH SEKSYEN 124A DAN MELALUI KAEADAH SERAH BALIK DAN BERIMILIK SEMULA DI BAWAH SEKSYEN 204D KANUN TANAH NEGARA 1965**

---

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan bahawa Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 8/2005 pada 20hb April 2005 semasa menimbang kertas MMK Bil. 8/492/2005 berhubung dengan “*Cadangan Bagi Mempercepatkan proses permohonan pecah sempadan dan ubah syarat tanah di bawah seksyen 124A Kanun Tanah Negara 1965 dan permohonan serahbalik dan berimilik semula di bawah seksyen 204D Kanun Tanah Negara 1965*” telah bersetuju supaya cadangan tatacara dan aliran proses tersebut dilaksanakan untuk memudahkan serta mempercepatkan permohonan ubah syarat dan pecah sempadan di negeri ini yang sedia digunakan.

2. Tatacara yang dicadangkan ini adalah bagi memastikan permohonan yang dimaksudkan dapat diselesaikan dalam tempoh 74 hari berbanding dengan purata 152 hari yang telah diambil sebelum ini. Melalui tatacara ini, punca utama masalah kelewatan untuk mendapatkan ulasan atau laporan daripada agensi / jabatan teknikal berkenaan oleh Pentadbir Tanah dapat dielakkan dengan meletakkan tanggungjawab tersebut kepada pemohon atau jurukur bertauliah yang dilantik. Pentadbir Tanah hanya menerima dan memproses permohonan rasmi yang dikemukakan setelah semua dokumen dan ulasan teknikal yang diperolehi dikemukakan oleh pemohon atau jurukur berkenaan.

3. Tatacara bagi memproses permohonan ubah syarat dan pecah sempadan tanah di bawah seksyen 124(A) Kanun Tanah Negara 1965 dan melalui kaedah serahbalik dan berimilik semula di bawah seksyen 204D Kanun Tanah Negara 1965 adalah sebagaimana berikut:-

**A. PERMOHONAN AWAL**

- a) Jurukur memohon *Borang A* bagi mendapat pandangan Agensi Teknikal daripada Pentadbir Tanah melalui *Borang I*.
- b) Pentadbir Tanah mengeluarkan *Borang A* dan senarai semak (*Borang AI*) dan seterusnya merekod permohonan tersebut di dalam *Borang AII*.
- c) Pemohon seterusnya mengemukakan *Borang A* beserta dengan dokumen-dokumen kepada agensi teknikal berdasarkan senarai semakan sebagaimana *Borang AI* dengan dikembangkan hasil tanah semasa dan cukai pintu.
- d) Permohonan ini akan direkodkan dan diedarkan untuk laporan Penolong Pegawai Tanah.
- e) Pentadbir Tanah akan memaklumkan kepada pemohon/jurukur jumlah deposit yang perlu dibayar.

- f) Pentadbir Tanah akan memantau tempoh masa dari setiap agensi teknikal mengikut piagam/garis panduan untuk mempastikan peraturan tersebut dipatuhi.
- g) Sekiranya terdapat masalah perakuan dari agensi teknikal atau agensi teknikal tidak memberi perakuan dalam tempoh 30 hari. Pentadbir Tanah akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Sehenti sebagaimana Arahan PTG Bil 5/99.

**B. PERMOHONAN RASMI**

- h) Setelah mendapat kelulusan daripada Agensi Teknikal pemohon mengemukakan permohonan rasmi permohonan pecah sempadan dan ubah syarat di bawah Sek. 124A KTN dan permohonan serah balik dan berimilik semula di bawah Sek. 204D KTN kepada Pentadbir Tanah dengan menggunakan Borang B bersama-sama item-item berikut :-
  - i) Borang Permohonan Borang 7D, Borang 12D dan pelan cadangan pecahan.
  - ii) Bayaran pendaftaran permohonan dan deposit
  - iii) Cabutan tanah
  - iv) Cukai tanah tahun semasa

- v) Pelan tanah (plan tracing)
- vi) Surat kebenaran daripada pihak berkepentingan

*(Aliran dan jangkamasa proses serta borang-borang berkaitan di atas adalah sebagaimana di **LAMPIRAN A** berkembar)*

4. Pentadbir Tanah diingatkan bahawa tatacara ini tidak terpakai bagi permohonan yang tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian Lapuran Cadangan Pemajuan (LCP) iaitu permohonan pembangunan tanah yang melibatan keluasan melebihi 2 hektar. Bagi permohonan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa tersebut, Pentadbir Tanah hanya perlu merujuk kepada Jabatan Perancang Bandar Dan Desa sahaja sebelum menyediakan kertas kerja untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

t.t

.....  
**(Hj. Che Kamarulzaman Bin Hj. Mohamed)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN

**KEPADА :**

- 1. Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.
- 2. Semua Yang Di Pertua Majlis Perbandaran / Daerah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB Dato' Tuan Guru Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Pengerusi Jawatankuasa Kewangan, Perancangan Ekonomi dan Pembangunan Masyarakat Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
7. YBhg. Dato' Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Negeri Kelantan.
8. YABrs. Pengarah Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Kelantan
9. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Kerajaan Tempatan)
10. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan)


PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
**15576 KOTA BHARU**


Bertarikh :18 JULAI 2005

Fail : PTG. KN. 7/1/21 (8)

## LAMPIRAN A

### **ALIRAN KERJA PERMOHONAN PECAH SEMPADAN DAN UBAH SYARAT DAN PERMOHONAN SERAH BALIK DAN BERIMILIK SEMULA**





***JUMLAH KESELURUHAN : 74 hari***

## **Borang I**

### **Permohonan Untuk Mendapat Borang Pandangan Jabatan Teknikal**

Kemajlis,

YABrs. Pentadbir Tanah,

---

Tuan,

**Permohonan Ubah Syarat dan Pecah Sempadan Tanah dan Permohonan  
Serah Balik dan Berimilik Semula Tanah Lot \_\_\_\_\_**

**No. Hakmilik\_\_\_\_\_ Mukim\_\_\_\_\_**

**Jajahan\_\_\_\_\_**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa pihak kami telah dilantik untuk menguruskan permohonan sebagaimana di atas.

2) Sukacita sekiranya pihak tuan dapat membekalkan Borang A iaitu borang mendapat pandangan agensi teknikal untuk membolehkan permohonan ini diproses dan bersama-sama ini dikembarkan 18 keping pre-comp plan dan surat perlantikan Jurukur .

3) Di atas kerjasama dan pertimbangan pihak tuan diucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

---

(Nama Jurukur)

## Borang A

Rujukan :  
Tarikh :

**Permohonan Bagi Mendapat Pandangan Ubahsyarat dan Pecah Sempadan  
Tanah/Permohonan Serahbalik dan Berimilik Semula.  
(Agensi Teknikal)**

---

.....  
.....  
.....

(Agensi Teknikal)

Tuan,

Bersama-sama ini disertakan ( ) keping pre-comp plan untuk permohonan Ubahsyarat dan Pecah Sempadan Tanah/Serahbalik dan Berimilik Semula Tanah Lot \_\_\_\_\_

GM\_\_\_\_\_ Mukim\_\_\_\_\_ Daerah\_\_\_\_\_ Ja  
jahan\_\_\_\_\_ Dari\_\_\_\_\_ Ber  
alamat\_\_\_\_\_.

2. Sila beri ulasan/perakuan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan kepada pejabat ini untuk diambil tindakan selanjutnya.

**\* MEMBANGUN BERSAMA ISLAM\***

Sekian, terima kasih.

.....  
Pentadbir Tanah

## **Borang B**

**Permohonan Ubahsyarat dan Pecah Sempadan Tanah  
Di Bawah Sek. 124A KTN /  
Permohonan Serahbalik dan Berimilik Semula  
Di Bawah Sek. 204D KTN**

Ke majlis,  
YABrs. Pentadbir Tanah

---

Tuan,

Bersama-sama ini dikemukakan Borang 7D/12D, pre-comp plan dan dokumen-dokumen berkaitan serta perakuan dari agensi-agensi teknikal untuk permohonan Ubah Syarat dan Pecah Sempadan / Serah Balik dan Berimilik Semula.

Lot \_\_\_\_\_ GM \_\_\_\_\_ Mukim \_\_\_\_\_  
Daerah \_\_\_\_\_ Jajahan \_\_\_\_\_ untuk tindakan tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

---

Nama Jurukur

Salinan kepada,

---

(Tuan Tanah/Pemohon)

**Borang A1**

**SENARAI SEMAK**

**Permohonan Ubahsyarat dan Pecah Sempadan Tanah Di Bawah  
Sek. 124A KTN/Permohonan Serahbalik dan Barimilik Semula  
Di Bawah Sek. 204D KTN**

---

Jabatan Yang Perlu Dirujuk	Butir-Butir/Dokumen
1. Majlis Daerah	(      )
2. Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	(      )
3. Jabatan Kerja Raya	(      )
4. Jabatan Pengairan dan Saliran	(      )
5. Jabatan Alam Sekitar	(      )
6. Jabatan Bomba dan Penyelamat	(      )
7. Jabatan Kesihatan	(      )

---

Pentadbir Tanah

---

**Borang All**

**Rekod Daftar Pengeluaran Borang Permohonan**

Jajahan :

Bil.	Nama Jurukur	Nama Tuan Tanah	No. Lot	Mukim	Daerah	Tarikh Keluar Borang A	Tarikh Terima Permohonan	Lain-Lain Hal